

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HEBURN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)

Perlu ambil tindakan pengamal perubatan palsukan sijil vaksin

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Ogos 31, 2021 @ 5:06pm
mohd_iskandar@bh.com.my



Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar.

KUALA LUMPUR: Majlis Perubatan Malaysia (MMC) perlu mengambil tindakan tegas termasuk menggantung atau membatalkan lesen perubatan doktor yang terbabit dalam kegiatan memalsukan sijil vaksinasi COVID-19.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata perbuatan itu jelas tidak beretika dan melanggar integriti seorang pengamal perubatan.

"Ini bukan soal memalsukan sijil cuti sakit (MC), sebaliknya membabitkan sijil vaksinasi yang memberi kesan kepada masyarakat umum keseluruhannya."

"Setakat ini, kami belum menerima laporan wujud kegiatan itu, namun jika terbukti ada, laporan kepada pihak berkuasa perlu segera dibuat dan MMC perlu mengambil tindakan tegas termasuk menggantung atau membatalkan lesen perubatan individu terbabit," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Presiden Persekutuan Persatuan Pengamal Perubatan Swasta Malaysia (FPMPAM), Dr Steven Chow bahawa beberapa ahli pertubuhan itu ditawarkan RM1,000 oleh beberapa individu untuk memalsukan sijil digital vaksin.

Dr Steven berkata, tidak semua individu yang membuat tawaran itu adalah antivaksin berikutan terdapat segelintir memerlukan sijil berkenaan untuk melakukan perjalanan segera.

Susulan pendedahan itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa pihak berkuasa menyiasat laporan media beberapa individu cuba merasuh doktor mendapatkan sijil digital lengkap vaksinasi COVID-19 tanpa disuntik vaksin berkenaan.

Mengulas lanjut, Dr Zainal Ariffin berkata, kegiatan memalsukan sijil vaksinasi COVID-19 boleh mendatangkan kesan buruk bukan saja kepada imej pengamal perubatan, malah kepada orang awam.

Katanya, jika ada individu memperoleh sijil vaksin tanpa divaksin, ia boleh mengundang risiko penularan COVID-19 yang akhirnya menyebabkan kes meningkat semula.

"Ini satu kesalahan serius, tidak sepatutnya seorang pengamal perubatan bersikap sedemikian. Sewajarnya pengamal perubatan yang ditawar perkara sedemikian, wajib melaporkannya kepada pihak berkuasa supaya tindakan boleh diambil," katanya.